

## Boleh jejas imej Malaysia, hubungan dengan Saudi

KOSMO 15/5/2023 MS: 6

**PUTRAJAYA** – Umat Islam yang sengaja menyalahgunakan visa umrah atau pun visa pelancong untuk menunaikan haji boleh dianggap mencemarkan nama baik Malaysia.

Menurut Pengarah Eksekutif Haji, Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman, malah tindakan mereka itu juga mengancam imej positif negara.

“Kita bimbang isu ini jika masih lagi berlaku turut boleh jejas hubungan akrab Malaysia dengan Arab Saudi,” katanya pada sidang akhbar di Masjid Putra, di sini kelmarin.

Terdahulu, beliau merasmikan siri Kursus Perdana Haji Musim 1444H Peringkat Wilayah Persekutuan selama dua hari hingga semalam dihadiri hampir 1,900 bakal jemaah.

Terdahulu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi kenyataan mengingatkan umat Islam agar tidak mengeksploitasi visa umrah bagi mengerjakan haji.

Amaran itu turut melibatkan mereka yang mungkin mahu cuba menyalahgunakan visa pelancong dengan mengambil kesempatan sengaja tinggal lebih masa di kota suci Mekah.

Musim haji tahun ini dijadualkan mulai 18 Jun sehingga 19 Julai depan dan dalam tempoh itu, sesiapa yang tiada visa haji akan dianggap sebagai pendatang asing tanpa izin.

Mengulas lanjut, Syed Saleh yang juga Ketua Rombongan Haji Malaysia berkata, isu itu bukan baharu dan sudah lama berlarutan sejak dahulu termasuk rakyat pelbagai negara.

“Bukan sahaja langgar peraturan imigresen Arab Saudi bahkan dari segi ‘roh’ Rukun Islam kelima itu sendiri pun dibimbangi tahap kualiti ibadah tidak diterima oleh Allah,” ujarnya.

Sambil bersetuju dengan nasihat tegas MOTAC, beliau menambah, kerajaan negara itu kelazimannya ada sekatan di kesemua pintu masuk Mekah untuk memeriksa jemaah.



**SERAMAI 160** petugas haji yang berangkat semalam terdiri daripada petugas kebajikan, perubatan, beberapa agensi luar serta media.

– IHSAN TABUNG HAJI